

PROGRAM KESEJAHTERAAN RAKYAT (KESEDARAN KESIHATAN) DI PERMATANG SUNGAI DUA
LIBATKAN 600 ORANG PESERTA

13.9.2015 Ahad : Politeknik Seberang Perai (PSP) telah mengambil satu lagi inisiatif mendekati masyarakat setempat dengan mengadakan Program Kesejahteraan Rakyat (Kesedaran Kesihatan). Program yang terdiri daripada pelbagai siri ini telah memilih Masjid Al-Rashid, Permatang Sungai Dua, Sungai Dua, Seberang Perai Utara untuk kali ini. Program ini telah dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Pusat Khidmat ADUN Sungai Dua, PSP dan JKKK Sungai Dua pada 13 September 2015. Program ini terdiri daripada dua sesi iaitu pada sebelah siang dan sebelah malam. Pada sebelah siang, program bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang, manakala pada sebelah malam; program bermula pada jam 8.00 malam dan berakhir pada jam 11.30 malam.

Seramai 54 pelajar PSP telah menjadi sukarelawan untuk program ini. Selain itu, orang kampung dan orang ramai telah turut bersama-sama menggembeling tenaga bagi menjayakan program ini pada hari tersebut. Bilangan penyertaan dan sambutan adalah dianggarkan seramai lebih kurang 400 orang. YB Encik Muhamad Yusoff Bin Haji Mohd. Noor yang merupakan ADUN Sungai Dua telah merasmikan program ini.

Aktiviti yang telah diadakan pada sebelah siang ialah senaman Waitakong/Tai Chi, Berjalan Seribu Langkah, Pameran daripada Agensi Kerajaan, Pemeriksaan Kesihatan, Aktiviti Mewarna Kanak-Kanak, Aktiviti Sukan *Indoor*, Kursus Masakan *Western Food* dan Refleksologi. Pada sebelah malam pula seusai solat Isyak secara berjemaah, ceramah agama bertajuk Pergi Tak Kembali telah disampaikan oleh Ustaz Wadi Anuar Bin Ayob yang merupakan Panel Penceramah Program Al-Kuliah TV3.

Program ini telah berjalan dengan lancar dan para peserta yang terlibat serta pihak penganjur amat berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

GALERI AKTIVITI



Sebahagian peserta menyertai aktiviti Senaman Tai chi/Waitakong



Kanak-kanak sedang tekun mewarna dalam pertandingan mewarna yang diadakan



Peserta-peserta yang menyertai aktiviti “Berjalan Seribu Langkah”



Pemenang bergambar bersama tetamu kehormat ketika penyampaian hadiah